

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1991

PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN JABATAN KERAJAAN OLEH PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN DI AGENSI-AGENCI KERAJAAN

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan mengenai pertambahan kepada senarai nama pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang dibenarkan bagi menggunakan kemudahan dan kelengkapan pejabat seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991.

2. Mengikut perenggan 3.1.2 Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991, Ketua Setiausaha Negara diberi kuasa dari semasa ke semasa untuk meluluskan nama-nama pertubuhan yang berdaftar untuk dimasukkan ke dalam senarai di Lampiran "A" kepada Surat Pekeliling Am tersebut bagi menikmati kemudahan dan kelengkapan pejabat di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan masing-masing. Selaras dengan kuasa yang telah diberikan ini Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini telah meluluskan supaya Majlis Sukan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan dimasukkan sebagai salah satu lagi pertubuhan yang boleh menggunakan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan bagi aktiviti-aktivitinya.

3. Dengan kelulusan yang diberikan ini nama Majlis Sukan dan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan adalah dengan ini dimasukkan sebagai pertubuhan Nombor 7 di dalam Lampiran 'A' kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991 yang mana boleh menggunakan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan bagi aktiviti-aktivitinya.

4. Pindaan ini adalah berkuatkuasa mulai dari 11 September 1993.

(DATO' DR. ABDUL KUDUS BIN AHMAD)
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
b.p. Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1991

PERATURAN MENGENAI PENGGUNAAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN JABATAN KERAJAAN OLEH PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN

1. Pendahuluan

1.1 Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Agensi-agensi Kerajaan menghadapi masalah dari segi penggunaan pelbagai kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan disebabkan tiada peraturan yang jelas mengenainya. Selain daripada itu, pertubuhan berkenaan juga menghadapi masalah kewangan untuk menjalankan aktivitinya.

1.2 Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah bersetuju untuk membantu Pertubuhan-pertubuhan tersebut dari segi penggunaan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan serta bantuan kewangan. Sungguhpun begitu Kerajaan sentiasa menggalak pertubuhan-pertubuhan tersebut menjalankan usaha-usaha untuk menambah sumber kewangannya.

2. Tujuan

2.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan mengenai penggunaan pelbagai kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Agensi-agensi Kerajaan dalam menjalankan aktivitinya.

3. Tafsiran

3.1 Bagi maksud Surat Pekeliling ini pertubuhan-pertubuhan Kebajikan dan Sukan yang diliputi adalah:

3.1.1 Pertubuhan Kebajikan dan Sukan yang ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan;

3.1.2 Pertubuhan-pertubuhan lain yang berdaftar yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Negara dari semasa ke semasa. Pertubuhan-pertubuhan yang telah dipersetujui adalah seperti di Lampiran "A".

4. **Peraturan Penggunaan Kemudahan-kemudahan dan Kelengkapan Kerajaan.**

4.1 Ketua Jabatan boleh membenarkan penggunaan kemudahan dan kelengkapan Kerajaan kepada Pertubuhan Kebajikan dan Sukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang disenaraikan di Lampiran "B". Peraturan penggunaan adalah seperti berikut:

4.1.1 *Pengangkutan*

Kenderaan-kenderaan Kerajaan boleh digunakan dengan syarat-syarat berikut:

- (a) Penggunaan tersebut tidak mengganggu urusan rasmi Kerajaan;
- (b) Kerajaan akan bertanggungjawab seperti biasa jika berlaku kemalangan atau kerosakan kepada kenderaan tersebut;
- (c) Pemandu kenderaan adalah dianggap menjalankan tugas rasmi;
- (d) Kerajaan juga bertanggungjawab ke atas anggota-anggota perkhidmatan Kerajaan yang lain jika berlaku kemalangan jalan raya semasa mereka menggunakan kenderaan Kerajaan;
- (e) Pengguna yang bukan kakitangan Kerajaan hendaklah menandatangani borang pelepasan di mana Kerajaan dikecualikan dari sebarang tanggungjawab sama ada dalam bentuk tanggungan (liability) ataupun sebarang tindakan undang-undang berkaitan dengan penggunaan kenderaan Kerajaan. Borang pelepasan tersebut adalah seperti di Lampiran "C".
- (f) Penggunaan yang bukan Kerajaan hendaklah mengambil insuran kemalangan secara berkelompok daripada mana-mana panel syarikat insurans yang dilantik oleh Kerajaan seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1991.

4.1.2 *Bayaran Elaun-elaun*

Sebarang tuntutan elaun-elaun penginapan, makan dan perjalanan daripada ahli-ahli yang menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan hendaklah ditanggung oleh pertubuhan berkenaan. Dalam hal ini

pertubuhan tersebut hendaklah menentukan kadar-kadar elaun yang akan dibayar ataupun menyediakan kemudahan penginapan, makan dan perjalanan.

4.1.3 *Peralatan dan Kelengkapan Jabatan*

Ketua-ketua Jabatan boleh membenarkan pertubuhan menggunakan kemudahan peralatan dan kelengkapan Kerajaan tertentu seperti mesin fotostat, mesin off-set, mesin taip dan sebagainya dengan syarat ia tidak mengganggu urusan rasmi Kerajaan. Penggunaan kemudahan peralatan dan kelengkapan rasmi Kerajaan seperti cop, kepala surat, lakri, kulit fail dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

4.1.4 *Ruang Pejabat*

Ketua-ketua Jabatan boleh membenarkan pertubuhan menggunakan sebahagian kecil dari ruang pejabat Jabatan Kerajaan untuk digunakan sebagai pejabat berdaftar mereka sekiranya pihak Jabatan mempunyai ruang pejabat yang tidak terpakai.

5. **Cuti Tanpa Rekod**

5.1 Semua ahli-ahli adalah dibenarkan mengambil cuti tanpa rekod mengikut Perintah Am Bab "C" dan juga Surat-surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa.

6. **Tarikh Kuatkuasa**

6.1 Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

7. **Pembatalan**

7.1 Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1972 bertarikh 22 Mac 1972 adalah dibatalkan.

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha Negara.

**PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA DAN BADAN-BADAN
KEBAJIKAN DAN SUKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN**

1. PUSPANITA
2. PERKEP (POLIS)
3. BAKAT (TENTERA)
4. BAKTI
5. BADAN-BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN DI AGENSI-AGENCI
KERAJAAN YANG DILULUSKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA
6. PERSATUAN WANITA LUAR NEGERI (PERWAKILAN)

**AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIBOLEHKAN MEMOHON PENGGUNAAN
KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN JABATAN KERAJAAN**

1. Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Exco
2. Sukan/Hari Keluarga Tahunan
3. Latihan/Kursus
4. Khemah Tahunan
5. Aktiviti-aktiviti Keagamaan
6. Mewakili Pertandingan Sukan di Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa
7. Mewakili Pertandingan Sukan di antara Negeri-negeri
8. Mewakili Pertandingan Sukan di peringkat Wilayah
9. Sebagai Pegawai Sukan (Official) untuk membantu mengelolakan sesuatu pertandingan seperti di atas.
10. Sebagai Jurulatih/Pengadil
11. Mengadakan Jamuan Tahunan
12. Lawatan Sambil Belajar
13. Persembahan Kebudayaan/Kesenian Kebangsaan
14. Urusan Percetakan
15. Bahan-bahan Bacaan untuk Pusat Sumber

PELEPASAN TANGGUNGAN

Saya
No. K.P. yang beralamat di

.....
dengan rela hati mengesahkan bahawa sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia, atas permintaan saya, membenarkan saya menaiki sebagai penumpang kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia atau yang dipandu bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan ini bersetuju bagi pihak diri saya, pentadbir harta pesaka dan tanggungan saya, untuk melepaskan Kerajaan Malaysia dan/atau kakitangan atau ejennya daripada segala liabiliti akibat daripada apa-apa kecederaan (termasuk apa-apa kecederaan yang mengakibatkan kematian) yang dialami oleh saya atau apa-apa kehilangan atau kerosakan hartabenda kepunyaan saya sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan ketika saya berada sebagai penumpang di dalam kenderaan tersebut.

Dibuat pada hb 19

Tandatangan:

Saksi:

Nama:

Jawatan: